

NO. SOALAN: 169

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10734**

**SOALAN :**

Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan "Second-hand Dealers Act 1946" dalam membanteras pencurian kabel di Sarawak setelah ianya diterima pakai di Sarawak pada 2 April 2014. Senaraikan sehingga kini, jumlah permohonan serta permohonan yang telah diluluskan di kawasan Parlimen Stampin serta kawasan Parlimen Bandar Kuching. Senaraikan juga jumlah penangkapan serta penyiasatan yang telah pun dilaksanakan

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

PDRM sentiasa prihatin dan komited bagi membanteras kejadian jenayah yang melibatkan barangan curi termasuk kecurian kabel elektrik dan telefon dengan mengadakan Operasi Lusuh secara berterusan. Kesalahan bagi menyimpan barang-barang curi adalah di bawah Seksyen 411 iaitu dengan niat curang memiliki harta curi dan Seksyen 414 iaitu menolong menghapuskan harta curi.

Bagi Negeri Sarawak, Akta Peniaga Sekendhend 1946 (*Second-hand Dealers Act*) telah diwartakan pada 16 Disember 2014. Akta yang telah diterima pakai di Sarawak ini adalah relevan untuk mengekang kecurian dan aktiviti-aktiviti haram yang berkaitan dengan barang terpakai.

Statistik permohonan yang telah diluluskan untuk perniagaan barang-barang terpakai bagi Bandar Kuching dan Stampin sejak tahun 2014 sehingga Disember 2017 adalah seperti berikut :-

| <b>PARLIMEN</b>       | <b>JUMLAH PERMOHONAN</b> | <b>PERMOHONAN DITOLAK</b> | <b>PERMOHONAN DILULUSKAN</b> | <b>DALAM PROSES</b> |
|-----------------------|--------------------------|---------------------------|------------------------------|---------------------|
| <b>BANDAR KUCHING</b> | 58                       | 2                         | 56                           | -                   |
| <b>STAMPIN</b>        | 67                       | 5                         | 61                           | 1                   |
| <b>JUMLAH</b>         | 125                      | 7                         | 117                          | 1                   |

Statistik penguatkuasaan terhadap premis perniagaan barang-barang terpakai bagi Bandar Kuching dan Stampin bagi tahun 2017 sehingga Disember 2017 adalah seperti berikut :-

| BULAN     | BANDAR KUCHING | STAMPIN |
|-----------|----------------|---------|
| JANUARI   | 2              | 16      |
| FEBRUARI  | 5              | 10      |
| MAC       | 12             | 16      |
| APRIL     | 3              | 2       |
| MAY       | 3              | 2       |
| JUN       | -              | 11      |
| JULAI     | 18             | 5       |
| OGOS      | 5              | 13      |
| SEPTEMBER | -              | -       |
| OKTOBER   | -              | -       |
| NOVEMBER  | 8              | 4       |
| DISEMBER  | 5              | 7       |
| JUMLAH    | 61             | 86      |